

## **BAB 6**

### **PANGLIMA PEPERANGAN DAN PERLUASAN JAJAHAN TAKLUK MELAKA**

#### **Pendahuluan**

Keunggulan seseorang pemimpin itu tidak akan lengkap sekiranya tidak mempunyai kehandalan dalam peperangan. Tun Perak bukan sahaja seorang tokoh pentadbir yang berani dalam konteks menggunakan akal fikiran dan melaksanakan tugas-tugas rasmi kerajaan dengan penuh tanggungjawab tetapi juga seorang panglima yang begitu handal di medan peperangan untuk mempertahankan negeri daripada diserang oleh pihak musuh serta meluaskan jajahan takluk. Sebagai seorang panglima peperangan sudah tentu Tun Perak banyak terlibat dalam berbagai-bagai siri peperangan demi keselamatan kerajaan Melaka dengan penuh semangat keperwiraan yang tinggi.

Adalah tidak lengkap sekiranya, kebolehan seseorang bendahara jika hanya dibuktikan dengan bakat kepimpinannya dalam pengurusan pentadbiran dalaman negeri atau pelaksana undang-undang negeri sahaja. Bendahara juga harus dilengkapkan dengan kebolehan kehulubalangan atau keperwiraannya serta kebijaksanaan dalam ilmu peperangan. Ini kerana kebanyakkan Bendahara Melaka diwarisi secara keturunan yang secara langsungnya mereka mempunyai semangat keperwiraan yang berbeza-beza.

Justeru itu, seseorang yang memegang jawatan Bendahara mestilah mempunyai kehandalan dalam bidang ketenteraan.<sup>1</sup> Dalam *Sejarah Melayu* Tun Perak disebutkan sebagai seorang pahlawan dalam peperangan melawan Siam, Pahang dan Pasai.<sup>2</sup> Oleh yang demikian, sepanjang perkhidmatannya sebagai Bendahara Paduka Raja, Tun Perak telah memperlihatkan kebaktian yang tinggi dalam mempertahankan keselamatan Melaka.

### **Episod Peperangan dan Perluasan Jajahan Takluk**

Tun Perak banyak menyertai episod peperangan untuk meluaskan empayar Melaka dan juga untuk mempertahankan Melaka daripada serangan musuh. Di bawah sistem pengerahan tenaga, istana Melaka telah bertindak mengembangtenaga tentera seluruh kawasan jajahan takluk dan naungan, untuk mempertahankan Melaka sebagai kuasa induk. Tun Perak, selaku Penghulu bagi daerah Kelang juga dikerah supaya menggerakkan pengikut dan hulubalangnya ke Melaka sekiranya ada serangan daripada pihak musuh.

Tun Perak banyak berjasa untuk mempertahankan Melaka daripada serangan Siam. Ini kerana Siam takut dengan perkembangan pesat Melaka daripada pelbagai aspek terutamanya ekonomi. Persaingan ini mencetuskan siri-siri serangan Siam ke atas Melaka. Tun Perak telah menjadi pemimpin angkatan

<sup>1</sup> R.J. Wilkinson, 1935. 'The Malacca Sultanate', dalam *JMBRAS*, 13, ii, 1935; R.J. Wilkinson, 1933, 'The Sri Lanang Pedegree', dalam *JMBRAS*, 13, ii, 1933 ; R.O. Winstedt, 1932. 'The Bendahara and Temenggong', dalam *JMBRAS*, 10, i, 1932, hlm. 55-66.

<sup>2</sup> D.G.E., Hall, 1987. *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, hlm. 159.

tentera Melaka untuk menghadapi serangan Siam buat pertama kalinya. *Sejarah Melayu* ada menyatakan bahawa:

Telah kedengaran ke Benua Siam bahawa Melaka negeri besar tiada tolak bandingnya kepadanya, maka Paduka Bubunya pun menyuruh ke Melaka hendak meminta surat sembah. Maka Raja benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh ber lengkap akan menyerang Melaka, Awi Cakri nama panglimanya membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai lagi.<sup>3</sup>

Petikan di atas adalah mengenai Raja Siam yang telah menghantar Panglima Awi Cakri sebagai ketua angkatan tentera Siam untuk menentang Melaka. Serangan dilancarkan kerana Sultan Melaka enggan menghantar surat sembah ke Siam. Jumlah tentera Siam adalah terlalu ramai sehingga tidak terbilang dan mereka telah menuju ke hulu Pahang untuk menentang Melaka.

Di sinilah kali pertama mengikut *Sejarah Melayu*, Tun Perak telah menampilkan muslihat dan strategi peperangan yang hebat menentang pihak Siam. Strategi peperangan yang digunakan oleh Tun Perak ialah mengerahkan seluruh penduduk Kelang iaitu lelaki, wanita, dan kanak-kanak untuk bersama-sama mempertahankan Melaka. Kerahan ini agak pelik, tetapi sangat praktikal. Strategi dibuat semata-mata untuk memberi semangat kepada kaum lelaki untuk

---

<sup>3</sup> W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 67.

berperang dengan bersungguh-sungguh ketika di medan peperangan. *Sejarah Melayu* ada menyatakan bahawa:

...kurang-kurang ia berlawankan Duli Yang di-Pertuan, lebih ia berlawankan (kerana) anak isterinya.<sup>4</sup>

Petikan di atas adalah menggambarkan bahawa kebijaksanaan Tun Perak dalam mengatur strategi untuk pergi berperang dengan Siam. Beliau telah mengerahkan seluruh rakyat di daerah Kelang tidak kira sama ada lelaki atau wanita dan juga kanak-kanak untuk turut serta ke medan peperangan. Pada fikiran Tun Perak, semangat perjuangan yang ada hanya untuk mempertahankan negeri adalah kurang berbanding semangat untuk mempertahankan keluarga masing-masing. Dengan kehadiran anak dan isteri di medan peperangan sudah tentulah para tenteranya akan berjuang bersungguh-sungguh demi untuk menyelamatkan anak dan isteri mereka.

Di dalam peperangan menentang pihak Siam ini, Melaka telah mencapai kejayaan. Dalam siri serangan inilah Tun Perak menyerahkan bakatnya,<sup>5</sup> walaupun tentera Siam begitu ramai tetapi serangan mereka melalui Hulu Pahang itu dapat dipatahkan oleh orang-orang Melaka yang diketuai oleh Tun Perak yang memegang jawatan Penghulu Kelang dengan mudah. Ramai tentera Siam yang mati manakala yang kalah pula berundur. Tertarik hati dengan muslihat

<sup>4</sup> Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 137.

<sup>5</sup> Muhammad Yusoff Hashim, 1996. *Tun Perak: dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa*, Batu Berendam, Melaka: Institut Kajian Patriotisme Malaysia, hlm. 2

peperangan Tun Perak inilah, Sultan Melaka mula melihat bakat kepimpinan Tun Perak. Beliau tidak lagi wajar mentadbir daerah, tetapi adalah layak menjadi pentadbir sebuah negeri. Oleh sebab itulah, beliau telah dilantik menjawat jawatan Bentara Melaka. Bakat kepimpinan yang ditunjukkan oleh Tun Perak dalam peperangan itu telah meyakinkan Sultan Muzaffar Syah untuk melantiknya sebagai Perdana Menteri dan seterusnya bergelar Paduka Raja. Menurut *Sejarah Melayu*, negeri Melaka ketika itu sama besarnya dengan Majapahit dan Pasai yang merupakan negeri-negeri yang pernah dikagumi di rantau ini.<sup>6</sup>

Kerajaan Siam yang semakin bimbang mengenai perkembangan pesat Melaka terus melancarkan serangan terhadap Melaka buat kali kedua. Menurut *Sejarah Melayu*:

Hatta berapa lamanya, maka datanglah orang Benua Siam menyerang Melaka; Awi Dicu, nama panglimanya. Maka kedengaranlah khabarnya ke Melaka. Maka Sultan Muzaffar Syah pun menitahkan Bendahara Paduka Raja ber lengkap akan mengeluari ia orang Benua Siam, dengan Seri Bija Aldiraja dan segala hulubalang sekalian dititahkan mengiringkan Bendahara. Setelah sudah lengkap, maka Bendahara pun pergilah mengeluari Siam itu bersama-sama dengan Seri Bija Aldiraja dan hulubalang yang banyak.<sup>7</sup>

<sup>6</sup> W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 71.

<sup>7</sup> Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 140.

Petikan di atas adalah menggambarkan Melaka telah diserang sekali lagi oleh Siam yang cemburu dengan kejayaan Melaka. Sultan Muzaffar Syah telah mengarahkan Bendahara Paduka Raja Tun Perak dan pembesar-pembesar lain untuk menentang serangan Siam. Serangan Siam buat kali kedua ini adalah merupakan cabaran pertama yang harus dihadapi oleh beliau sebaik sahaja menjawat jawatan Bendahara Paduka Raja yang menggantikan Seri Nara Aldiraja Tun Ali.

*Sejarah Melayu* ada menyebut bagaimana Bendahara Paduka Raja Tun Perak berjaya mengalahkan serangan pihak Siam itu. Berikut adalah petikan daripada *Sejarah Melayu*:

Maka Siam pun hampirlah sampai ke Batu Pahat, Maka ada seorang anak Seri Bija Aldiraja, Tun Umar namanya, terlalu berani, kelakuannya gila-gila basa; maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah dirinya, perahunya oleng-oleng. Setelah bertemu dengan perahu orang Siam yang banyak itu, maka dilanggarinya sekali, dua, tiga buah perahu Siam itu alah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik pula, dilanggarinya pula yang lain, itupun dua, tiga buah perahu Siam itu alah olehnya; maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam itu pun terlalu hairan. Setelah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon bakau, pohon nyirih,

dan pohon tumu, dan pohon api-api, dan segala pohon kayu itu sekaliannya ditambatinya puntung api. Setelah dipandang oleh orang Siam api tiada lagi terbilang banyaknya, maka kata hulubalang Siam, Terlalu amat banyak kelengkapan perahu Melayu ini, tiada terbilang lagi peri banyaknya. Jikalau ia datang, betapa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita. Maka kata Awi Dicu, panglima Siam itu, Benar seperti kata kamu itu. Marilah kita kembali. Maka segala orang Siam pun kembalilah. Adapun perigi Batu Pahat itu, orang Siamlah yang memahat dia. Maka diperikut oleh Bendahara Paduka Raja had Singapura.<sup>8</sup>

Petikan di atas telah membuktikan kebijaksanaan Tun Perak dalam membuat strategi peperangan dengan pihak Siam. Tun Perak telah menghantar Tun Umar bersama sebuah perahu dan disuruh melanggar perahu-perahu pihak angkatan tentera Siam. Tun Umar dengan keberanian yang ada padanya telah berjaya melanggar perahu-perahu pihak Siam. Apabila malam menjelang, Tun Perak telah bertindak memasang puntung api pada pohon-pohon bakau, pohon nyirih, pohon tumu serta pohon api-api. Apabila pihak Siam melihat begitu banyaknya cahaya api sehingga tidak terbilang lagi puntung-puntung api itu maka pihak Siam telah berundur kerana menyangka tentera Melaka begitu ramai yang mungkin boleh membawa kepada kekalahan kepada pihaknya.

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, hlm. 141

Peperangan pada kali kedua ini telah memberikan kemenangan yang besar kepada Melaka. Strategi Tun Perak yang telah menghantar Tun Umar untuk melanggar beberapa buah perahu pihak Siam dan penggunaan puntung api dekat pantai Batu Pahat adalah sangat praktikal. Strategi peperangan yang praktikal ditambah pula dengan kehandalan pahlawan-pahlawan Melaka seperti Datuk Bongkok dan Tun Umar memaksa tentera Siam berundur.<sup>9</sup> Justeru itu, kemenangan yang besar ini telah membuktikan kehebatan strategi dan ilmu peperangan yang dimiliki oleh Tun Perak. *Sejarah Melayu* ada menyatakan bahawa:

Maka beliau berkhidmat dengan cemerlang,  
sehingga diangkat berikutnya menjadi Perdana  
Menteri, duduk di seri balai istana, setara Seri Nara  
Aldiraja, yang ketika itu menjawat jawatan  
Bendahara Melaka, dan telah dianugerahi pula  
gelaran Paduka Raja.<sup>10</sup>

Kedua-dua kemenangan ini menyebabkan Melaka mengubah strategi hubungan diplomatiknya dengan Siam. *Sejarah Melayu* ada menyatakan bahawa:

<sup>9</sup> W.G. Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 72. Kisah serangan-serangan Siam ke atas Melaka dan kekalahannya itu pernah diakui oleh pihak Siam. Hal itu diulas oleh G.E. Morrison yang membandingkan catatan dalam *Sejarah Melayu* dengan Sumber Siam. Lihat artikelnya berjudul, ‘The Siamese Wars With Malacca During The Reign Of Muzaffar Syah’, dalam *JMBRAS*, 22:1 Mac, 1949, hlm.61-63.

<sup>10</sup> Muhammad Yusoff Hashim, 1996. *Tun Perak: dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa*, Batu Berendam, Melaka: Institut Kajian Patriotisme Malaysia, hlm. 2.

Setelah sudah lengkap, maka titah Sultan Muzaffar Syah kepada Bendahara Paduka Raja dan segala menteri, Hendaklah tuan-tuan sekalian serta kita ke Benua Siam itu. Kehendak kita, sembah pun jangan, salam pun jangan, surat kasih pun jangan. Setelah sudah mendengar titah itu, maka kata Bendahara Paduka Raja pada segala pegawai sekalian, Hendak tuan sekalian karang surat seperti titah itu? Maka seorang pun tiada bercakap. Maka sekalian orang itu semuanya ditanyai oleh Bendahara, datangkan orang membawa epok dan kemendelim, seorang pun orang tiada tahu. Maka Bendahara yang mengarang surat itu, demikian bunyinya lafaz surat itu, Hendaklah dilawani takut mudarat ke atas nyawa; sungguh dalam lawani, terlalu takut akan Paduka Bubunnya; daripada sangat harap akan ampun dan kurnia, maka menyuruhkan Tun Telanai dan Menteri Jana Putra. Kemudian, maka kata yang lainlah pula. Maka berkenanlah bunyi lafaz surat itu kepada Sultan Muzaffar Syah.<sup>11</sup>

Ternyata Tun Perak yang berpandangan jauh adalah orang yang bertanggungjawab menyarankan dasar dan sikap supaya berbaik-baik dengan pihak Siam. Iaitu beliau telah menghantar utusan persahabatan yang diketuai oleh Tun Telanai dan Menteri Jana Putera ke istana Paduka Bubun Siam. Perutusan ini telah membawa perdamaian kepada kedua-dua belah pihak. Iaitu menurut *Sejarah Melayu*, 'seteru sudah menjadi sahabat'. Ini semua adalah kerana dasar-

<sup>11</sup> Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikan dalam *Sejarah Melayu MS. Raffles No.18, MBRAS*, Kuala Lumpur, hlm. 141.

dasar luar Melaka mengikut syor Tun Perak sebagai seorang yang pintar dalam membuat keputusan, dengan mengatakan bahawa:

.....daripada berbanyak seteru, lebih baik  
berbanyak sahabat.<sup>12</sup>

Ternyata bahawa Tun Perak itu seorang yang bijaksana dan cerdik dalam segala tindakannya. Sultan Muzaffar Syah hanya berada di atas takhta selama empat puluh tahun. Setelah mangkat diganti pula oleh Sultan Mansur Syah. Tun Perak tetap menjadi Bendahara Paduka Raja semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah. Baginda memerintah secara adil dan saksama semasa berada di atas takhta. Semasa Sultan Mansur Syah menaiki takhta kerajaan menggantikan ayahandanya Sultan Muzaffar Syah, kedudukan kuasa politik Melaka amat kukuh. Kecekapan Sultan dan Bendahara Paduka Raja Tun Perak membolehkan Melaka melebarkan sayap politik Melaka dengan kukuh ke negeri-negeri yang berdekatan.

Perluasan empayar Melaka telah dijalankan dengan begitu mantap sekali, iaitu penaklukkan ke atas negeri-negeri Melayu yang lain. Penaklukkan yang dilakukan telah memperluaskan lagi empayar Melaka di rantau ini. Atas nasihat Tun Perak, Melaka telah menakluk Pahang yang merupakan jajahan Siam. Penaklukkan ke atas Pahang juga telah memberikan keuntungan kepada Melaka kerana Pahang adalah kaya dengan sumber galian emas<sup>13</sup> dan sudah tentu akan memantapkan lagi ekonomi negeri Melaka. *Sejarah Melayu* telah memaparkan

<sup>12</sup> W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 105.

<sup>13</sup> A. Samad Ahmad, 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 92-93. Lihat juga, Kassim Ahamad (ed.), 1975. *Hikayat Hang Tuah*, hlm. 453.

dengan jelas perkara tersebut dalam episod serangan Melaka ke atas Pahang. Tun Perak jugalah orang yang bertanggungjawab mengetuai angkatan tentera Melaka.<sup>14</sup>

Sultan Mansur Syah telah menitahkan Bendahara Paduka Raja Tun Perak menyerang negeri Pahang bersama-sama dengan Tun Bija Aldiraja, Laksamana, Sang Setia dan Sang Guna. Dalam serangan itu, Pahang telah dikalahkan. Maharaja Dewa Sura iaitu wakil Raja Siam telah mlarikan diri. Tun Perak telah mengarahkan agar Seri Bija Diraja menangkapnya. Dalam usaha penangkapan itu Seri Bija Diraja tidak tergesa-gesa seperti orang lain kerana dia tahu musuhnya itu tidak akan terlepas daripada tangannya. Ini dapat dilihat daripada kata-kata beliau kepada anak buahnya:

Dimana kamu semua orang muda-muda tahu?  
Kerana Maharaja Dewa Sura ini sudah aku kira-kirakan namanya di bawah namaku, dan harinya di bawah hariku dan ketiaknya di bawah ketiakku, di mana ia aku lepaskan daripada tanganku?<sup>15</sup>

Ramalan Seri Bija Diraja itu memang tepat. Beliaulah yang berjaya menangkap Maharaja Dewa Sura. Maharaja Dewa Sura diserahkan kepada Bendahara Paduka Raja Tun Perak<sup>16</sup> dan beliau telah dipenjarakan di Melaka. Kemudian Tun Perak telah menyerahkan beliau kepada Seri Nara Aldiraja untuk dipenjarakan di

---

<sup>14</sup>W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 99.

<sup>15</sup> Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu MS. Raffles No.18, MBRAS*, Kuala Lumpur, hlm. 171.

<sup>16</sup> *Ibid.*, hlm. 171.

Pahang. Walaupun berada di dalam penjara, layanan terhadap beliau adalah tetap sama seperti seorang raja.

Pahang yang diperintah oleh Maharaja Dewa Sura iaitu wakil Raja Siam merupakan negeri yang pertama ditakluki oleh Melaka. Ekoran daripada penaklukkan itu, Pahang dikehendaki membayar ufti tahunan sebanyak tujuh kati emas tidak termasuk hasil bandar dan anak sungai<sup>17</sup>. Kemudian Pahang diserahkan kepada anakanda baginda, Raja Muhammad yang disingkirkan dari Melaka. Dengan itu Pahang mula diperintah oleh keturunan Sultan Melaka.

Perluasan kuasa Melaka ke atas Pasai tidak begitu jelas. Melaka pernah mengakui Pasai sebagai sebuah negeri yang besar dan terkenal dengan ketinggian tingkat pengajian berhubung dengan soal keagamaan. Malah seperti yang telah disebutkan sebelum ini, Sultan Mansur Syah pernah beberapa kali menghantar utusannya ke sana untuk bertanyakan masalah agama dan menterjemahkan kitab Tasawwuf, *Darul Manzum*. Dalam pada itu, baginda mungkin berhajat untuk menawan Pasai atau sekurang-kurangnya mendapat pengakuan ketuanan daripada Raja negeri itu.

*Sejarah Melayu* menceritakan Sultan Mansur Syah berpeluang mencapai hasratnya itu apabila Sultan Zainal Abidin meminta bantuan baginda untuk merampas kuasa daripada abangnya Raja Pasai. Baginda mengambil kesempatan itu dengan memerintahkan Tun Perak, Seri Bija Diraja, Laksamana Hang Tuah serta hulubalangnya membantu Sultan Zainal Abidin menyerang Pasai. *Sejarah*

---

<sup>17</sup> A. Samad Ahmad, 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 92-93. Lihat juga, Kassim Ahmad (ed.), 1975 *Hikayat Hang Tuah*, hlm. 453.

*Melayu* menyebut tentang episod serangan Melaka terhadap Pasai yang diketuai oleh Tun Perak:

Maka kata Bendahara pada segala orang kaya-kaya itu, Adapun kita ini akan berperang... Maka Bendahara dan Tun Pikrama, Laksamana, Seri Bija Diraja, Tun Telanai...dan segala hulubalang rakyat sekalian naiklah ke darat melanggar Pasai...<sup>18</sup>

Petikan di atas adalah mengenai Tun Perak yang juga terlibat dalam peperangan mengalahkan negeri Pasai. Tun Perak telah menabalkan Sultan Zainal Abidin sebagai Raja Pasai yang baru dengan harapan baginda akan meneruskan taat setianya kepada Sultan Melaka. Malangnya, sebaik sahaja selesai istiadat pertabalan itu, baginda ternyata tidak mahu bertuankan Raja Melaka. Justeru itu pembesar-pembesar dan hulubalang Melaka tersebut tidak lagi membantunya apabila baginda digulingkan semula oleh Raja Pasai yang asal.<sup>19</sup> Kerajaan baru Pasai pula tetap bersahabat dengan kerajaan Melaka.

Hal ini menunjukkan Pasai bukan merupakan sebuah tanah jajahan Melaka. Sebaliknya Melaka masih menghormati Pasai terutama apabila timbulnya masalah dalam persoalan keagamaan. Contoh yang jelas ialah Sultan Mansur Syah telah beberapa kali menghantar perutusan ke Pasai untuk bertanyakan masalah agama.

Dalam masa pemerintahan Sultan Mansur Syah, Tun Perak sebagai penasihat Sultan yang utama telah menggerakkan dasar perluasan kuasa Melaka.

<sup>18</sup> W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 164.

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm. 121-124.

Sebelum tamatnya pemerintahan Sultan Mansur Syah, Melaka telah menakluk negeri Kedah yang termasyhur dengan sumber galian bijih timah, Terengganu, Kampar, Bengkalis, Pulau-pulau Karimun dan Bentan.

Kegemilangan Melaka bertambah terserlah apabila Sultan Mansur Syah melalui nasihat pembesar termasuk Tun Perak sebagai penasihat Sultan berjaya menawan beberapa buah negeri di Sumatera. Menurut *Sejarah Melayu* penaklukkan Melaka ke atas Inderagiri, Jambi dan Siantan tidak melibatkan pertumpahan darah. Negeri-negeri itu diserahkan oleh Betara Majapahit kepada Sultan Mansur Syah yang menjadi menantunya. Atas arahan Sultan Melaka sebelum mereka berangkat pulang, tempat itu telah diberikan kepada Tun Bija Sura, Hang Jebat dan Hang Tuah.<sup>20</sup>

Sebagai sebuah kuasa besar, Melaka mula menuntut negeri-negeri Melayu yang lain supaya tunduk kepadanya. Keengganan Maharaja Jaya Kampar menyembah ke Melaka telah mendorong Sultan Mansur Syah menyerang negeri itu. Seri Nara Aldiraja yang memikul tugas itu berjaya telah menawan Kampar.

Dasar perluasan kuasa Melaka tetap diteruskan selepas kemangkatan Sultan Mansur Syah. Tun Perak yang tetap memegang jawatan Bendahara Paduka Raja di bawah pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah 1477-1488,<sup>21</sup> telah memberi nasihat yang sama iaitu menjalankan dasar perluasan jajahan takluk. Dengan itu jajahan takluk Melaka telah bertambah luas di bawah pentadbiran Sultan Alauddin Riayat Syah yang telah berjaya menawan Haru. Penaklukkan ke

<sup>20</sup> A.Samad Ahmad, 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 119-120

<sup>21</sup>D.G.E., Hall. 1987. *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, hlm. 261.

atas Haru, menurut *Sejarah Melayu*, berpunca daripada sikap Maharaja Diraja Haru yang memerintahkan hulubalang-hulubalangnya menceroboh beberapa tanah jajahan Melaka. Sebagai tindak balas kepada tindakan itu, Sultan Alauddin Riayat Syah menitahkan Seri Bija Diraja, Laksamana Hang Tuah dan Paduka Tuan memimpin tentera Melaka untuk menyerang Haru. Setelah berlaku pertempuran hebat di laut dan di darat, Maharaja Diraja mengaku kalah. Baginda akhirnya mengakui ketuanan Melaka.<sup>22</sup>

Sebuah lagi negeri yang dikatakan pernah dijajah oleh Melaka ialah Terengganu. Namun begitu *Sejarah Melayu* tidak menjelaskan kisah penaklukkan dan kedudukan sebenar negeri itu. Dalam masa pemerintahan Sultan Muhammad Syah dinyatakan jajahan takluk Melaka meluas hingga ke Beruas dari Ujung Karang di sebelah barat dan arah timur hingga ke Terengganu.<sup>23</sup> Kenyataan itu menunjukkan Terengganu telah menjadi jajahan takluk Melaka sejak pemerintahan Sultan Muhammad Syah lagi. Jika kita meninjau kembali perkembangan awal Melaka, pada masa itu kedudukan politik Melaka belum begitu teguh. Tambahan pula sumber lain menerangkan bahawa ketika itu Sultan Muhammad Syah sedang giat mempereratkan hubungan politik Melaka dengan Terengganu demi menyekat kemaraan kuasa Siam ke arah selatan.<sup>24</sup>

Malah semasa Melaka diperintah oleh Sultan Alauddin Riayat Syah, kerajaan Pahang mendakwa Terengganu berada di bawah kuasanya. Ini dapat

---

<sup>22</sup>A.Samad Ahmad, 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 138-142.

<sup>23</sup>Ibid., hlm. 75.

<sup>24</sup>Mohd Dahlan Mansoer, 1979. *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 240.

dilihat daripada tindakan Sultan Muhammad Syah Pahang yang memerintahkan Seri Akar Raja membunuh Telanai Terengganu kerana menyembah ke Melaka tanpa pengetahuan baginda. Selepas peristiwa pembunuhan itu, Sultan Pahang menyerahkan Terengganu kepada Seri Akar Raja dan anak cucunya untuk memegang negeri itu.<sup>25</sup> Masalah itu menjadi semakin rumit kerana tindakan Pahang tersebut menimbulkan kemarahan Melaka. Sehubungan dengan itu, Sultan Alauddin Riayat Syah menitahkan Laksamana Hang Tuah pergi ke Pahang untuk memberi amaran kepada Sultan supaya jangan membunuh atau bertindak tanpa keizinan Melaka.<sup>26</sup> Berdasarkan kepada persoalan di atas, nampaknya Terengganu memang berada di bawah kekuasaan Pahang, tetapi disebabkan Pahang sendiri menjadi jajahan Melaka, bermakna dengan sendirinya Terengganu terpaksa tunduk kepada Melaka. Pengakuan Terengganu terhadap kedaulatan dan ketuanan Melaka dapat dilihat daripada tindakan anak cucu Tun Telanai. Selepas Tun Telanai dibunuh, mereka mlarikan diri ke Melaka untuk mendapatkan perlindungan daripada Sultan Alauddin Riayat Syah.

Memandangkan Melaka adalah sebuah kerajaan yang besar dan berdaulat, beberapa buah negeri kecil secara sukarela sanggup bernaung di bawah kerajaan Melaka. Ini jelas berlaku kepada Brunei di mana rajanya telah mengirim surat sembah kepada Sultan Mansur Syah melalui Tun Telanai dan Menteri Jana Putera

<sup>25</sup> A. Samad Ahmad, 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 168.

<sup>26</sup> R.O. Winstedt, 1938. ‘Malay Annal or Sejarah Melayu’, *JMBRAS*, 16 : III, Disember, 1938, hlm. 142-143. Edisi ini tidak menyebut alasan pembunuhan itu kepada pihak Melaka tetapi edisi Shellabear menyatakan Sultan Pahang memerintahkan supaya Telanai Terengganu dibunuh kerana beliau telah melakukan kebiadaban dengan menyatakan negeri Melaka berada di bawah kelangkangnya, hlm. 136. *Sulalatus Salatin*, edisi A.Samad Ahmad, pula menyebut alasan yang lain iaitu Telanai menghina Melaka bahawa negeri itu berada di bawah kelangkangnya, hlm. 170.

yang secara kebetulan singgah ke negeri tersebut kerana kapal mereka dipukul ribut semasa dalam perjalanan ke negeri China.<sup>27</sup>

Langkah yang sama dilakukan oleh Patani. Rajanya yang bernama Cau Seri Bangsa, anak Raja Siam, yang baru menewaskan Raja Sulaiman Syah, pemerintah kota Mahligai Patani telah mengutuskan surat kepada Sultan Mahmud Syah untuk mendapatkan naungan baginda. Antara lain surat tersebut berbunyi begini,

Paduka anakanda Cau Seri Bangsa, raja dalam negeri Patani, empunya sembah, datang kepada paduka ayahanda Seri Sultan Mahmud Syah... yang di atas takhta kerajaan dalam negeri Melaka, Malakat. Wa'ba'dah; kemudian dari itu Okun Pola, mengadap ke bawah duli paduka ayahanda.<sup>28</sup>

Permohonan tersebut diterima dengan sukacita oleh Sultan Mahmud Syah kerana dari segi politik, permohonan itu dengan sendirinya meletakkan Patani di bawah kekuasaan Melaka, dan sebagai memenuhi permohonan Patani, Sultan Melaka telah menganugerahkan gendang nobat serta mengiktiraf Cau Seri Bangsa sebagai Raja Patani bergelar Sultan Ahmad Syah.<sup>29</sup>

---

<sup>27</sup> W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 126-127.

<sup>28</sup> *Ibid.*, hlm. 228.

<sup>29</sup> *Ibid.*, hlm. 229. Berhubung dengan itu, sumber ini tidak menyebut nama Raja Kedah yang berbuat demikian. Kisah ini tidak terdapat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Tetapi jika diambil kira kisah pembukaan Patani, Raja Kedah dewasa itu adalah bernama Raja Merong Mahapudisat, manakala Patani dibuka oleh puteranya. Lihat *Hikayat Merong Mahawangsa*, (ed., Dzulkifli Mohd. Salleh), hlm. 52.

Melaka juga meluaskan pengaruh politiknya ke Kedah dengan cara yang hampir sama di mana Raja Kedah sendiri datang ke Melaka untuk mendapatkan penobatan daripada Sultan Mahmud Syah.<sup>30</sup>

Tun Perak yang telah merangka dasar imperialis Melaka juga telah menyarankan supaya menguasai negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Negeri-negeri tersebut seperti Kelang, Selangor, Bernam, Sungai Ujong, Manjung, Perak dan Singapura. Di negeri-negeri tersebut, pemerintah Melaka melantik seorang wakilnya yang bergelar Mandulika. Tugasnya, antara lain ialah memungut cukai dan membayar ufti tahunan kepada Melaka. Kadar bayarannya adalah tidak sama. Umpamanya Manjung dikenakan 8000 calain bijih timah, Beruas dan Selangor sebanyak 6000 calain serta 4000 calain bagi tiap-tiap negeri seperti Perak, Kelang dan Sungai Ujung.<sup>31</sup>

Justeru itu di bawah pemerintahan Sultan Melaka dan dalam pentadbiran Tun Perak sebagai Bendahara yang menjadi penasihat utama Sultan, empayar Melaka terus berkembang dengan pesat sehingga beliau dianggap sebagai pembina empayar. Kawasan takluk Melaka semasa pentadbiran beliau meliputi seluruh Semenanjung termasuk Patani. Disamping itu negeri-negeri di timur Sumatera seperti Siak, Rokan, Kampar, Inderagiri, Jambi, Tungkal dan Siantan juga dapat dikuasai. Walaupun Tun Perak telah meninggal dunia tetapi Melaka dalam masa awal pemerintahan Sultan Mahmud Syah masih berupaya meluaskan jajahan takluknya. Sultan Mahmud Syah menyerahkan tugas menyerang Manjung yang tidak mahu bermuafakat dengan Beruas kepada Bendahara Paduka Tuan.

<sup>30</sup> W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 229.

<sup>31</sup> R.O. Winstedt, 1981. *The Malays-A Cultural History*, hlm. 75-76.

Akibat serangan itu, Manjung dapat ditawan dan diserahkan kepada Beruas di bawah pengawasan Tun Aria Bija Diraja. Beruas kerika itu menjadi jajahan takluk Melaka.<sup>32</sup>

Kemudian pengaruh Melaka meluas ke Kelantan apabila negeri itu ditewaskan oleh Temenggung Seri Maharaja Tun Mutahir. *Sejarah Melayu* mengisahkan seperti berikut:


Arakian maka Sultan Mahmud menitahkan Seri Maharaja menyerang Kelantan. Pada zaman itu, Kelantan negeri besar lebih dari Patani; Sultan Mansur Syah nama rajanya; ... tiada baginda menyembah ke Melaka... Melaka naiklah ke darat... lalu berperang beramuk-amukan... maka... patahlah perang orang Kelantan. Maka kota Kelantan pun alah.<sup>33</sup>

Setelah menang, orang-orang Melaka bukan sahaja merampas harta benda, malah mereka juga menawan tiga orang puteri Raja Kelantan. Seorang daripadanya bernama Onang Kening, diperisterikan oleh Sultan Mahmud Syah. Akhirnya Kelantan juga berada di bawah jajahan empayar Melayu Melaka.

---

<sup>32</sup> W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 151-152.  
<sup>33</sup> *Ibid.*, hlm. 152

Peta 6.1: Menunjukkan Empayar Kesultanan Melayu Melaka



Sumber: Dipetik daripada *Malaysia Kita*, 1991. Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur : Nasional Berhad, hlm. 132.

Kesimpulannya ialah Tun Perak sememangnya seorang panglima yang handal dalam peperangan dan penaklukkan wilayah jajahan. Winstedt telah menyifatkan Tun Perak adalah sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap dasar imperialis Melaka ke atas Tanah Melayu dan Sumatera selama lebih daripada tiga pemerintah. Kerajaan Siam adalah musuh yang paling ditakuti oleh Melaka, tetapi Tun Perak merupakan satu-satunya tokoh yang dianggap bertanggungjawab menamatkan ancaman Siam selama lebih 50 tahun ke atas Melaka. Kemenangan peperangan dengan Siam adalah satu kejayaan yang sangat besar bagi Tun Perak dan kerajaan Melaka. Dengan kejayaan ini Tun Perak telah merangka perluasan jajahan takluknya untuk memantapkan lagi kedudukan Melaka. Mulai zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah sehingga ke kepada pemerintahan Sultan Mahmud Syah, langkah dan usaha pengembangan kuasa tidak henti-henti dilakukan. Prinsip yang dipegang oleh Tun Perak ialah sebagai seorang panglima peperangan kemenangan harus dicapai dalam apa juga bentuk perlawanan dan pertempuran walau betapa ramai sekalipun musuh yang dihadapi. Tun Perak dibantu oleh ketumbukan hulubalang Melaka dipimpin oleh pembesar Melaka yang lain, seperti Laksamana, Temenggung, Seri Udani, Seri Nara Aldiraja, dan lain-lain. Dengan penguasaan seluruh Semenanjung Tanah Melayu, pantai timur Sumatera sehingga ke selatan Riau-Lingga, Tungkal dan pengawalan jalan dan laluan perairan dan perdagangan Selat Melaka, menyebabkan dalam era Tun Perak Melaka berjaya muncul sebagai sebuah negara penakluk yang digeruni di rantau ini.